

01/05/2001

Pemuda perlu dibenar bina kekuatan sendiri

ZEIN Isma Ismail, 41, lulusan Sarjana Sains Matematik daripada University of Connecticut, Amerika Syarikat dilahirkan pada 16 November 1960 dan dibesarkan di Selayang, Selangor. Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Batu, Jalan Ipoh, sebelum berpindah mengikut keluarganya ke Kluang, Johor.

Bapa kepada lima anak ini menerima pendidikan menengah di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Johor, seterusnya Universiti Teknologi Mara (UiTM) sehingga memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari.

Kecemerlangan beliau di UiTM diiktiraf universiti dan terpilih sebagai Pelajar Terbaik Penghormatan Dekan pada Majlis Konvoquesyen UiTM. Beliau melanjutkan pelajaran ke University of Connecticut, Amerika Syarikat. Ketekunan beliau dalam dunia akademik membolehkannya mendapat keputusan cemerlang. Selain itu, beliau juga memiliki Sarjana Sains Insurans (Kewangan) daripada Universiti of Hartford, Connecticut.

Ketika di luar negara, beliau aktif dalam politik dan pernah menjadi Presiden Kelab Umno Connecticut, (1990-1991). Sekembalinya ke tanah air, beliau bergiat aktif dalam Umno cawangan dan bahagian sehingga dipilih sebagai Ketua Penerangan Umno Bahagian Kluang (1993-1995), Naib Ketua Pemuda Bahagian (1993-1995), Ahli Jawatankuasa Bahagian (1995-1998), Pengerusi Biro Pendidikan Umno Bahagian (1995-1998).

Pada peringkat nasional, Zein ialah Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia (1996-hingga sekarang), Ketua Bahagian Internet, Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah dan Panel Peguam Majlis Tertinggi Umno, Ahli Jawatankuasa Biro Pendidikan, Ahli Panel Penerangan dan Ahli Jawatankuasa Penerangan Umno Malaysia.

Pada Oktober 2000, beliau beralih cawangan dan menjadi Ketua Umno Cawangan Bandar Country Homes dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Umno Bahagian Selayang. Kepemimpinannya diterima dan beliau terpilih sebagai Naib Ketua Bahagian Selayang pada pemilihan peringkat bahagian, 20 April lalu.

Selain itu, beliau aktif dalam pertubuhan belia dan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Latihan Gabungan, Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC), Belia 4B dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Beliau juga Ahli Jawatankuasa Induk Gabungan Belia MAYC, Belia 4B dan GPMS Menghadapi Pilihanraya Ke-10.

Pengarah Protac Insurance Brokers Sdn Bhd itu pernah menjadi Pengurus (Pembangunan Perniagaan) di Malaysia National Insurance Sdn Bhd (1989), Perunding Aktuari di Benefit Concepts Inc di Amerika Syarikat, Pensyarah Kanan (Sains Aktuari) Fakulti Sains Matematik dan Komputer, Universiti Kebangsaan Malaysia (1992-1993) dan Pegawai Khas Pengerusi Mara (1994-1995). Ketika ini, beliau menerajui Center for Intellectual Promotion and Technological Advancement (CIPTA), iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang menjadikan pengembangan, pembangunan dan kemajuan intelektual serta teknologi sebagai teras kegiatannya.

Ikuti temu bual Penulis Khas Berita Harian (BH), Azhar Abu Samah dan Khairul Anwar Rahmat dengan beliau mencakupi pelbagai perkara, khususnya mengenai pemilihan bahagian dan politik wang.

BH: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini melontarkan pendapatnya supaya ahli Umno yang terlalu kaya dilarang bertanding pada pemilihan parti. Tidakkah ini menyekat mereka yang mahu menawarkan khidmat kepada Umno?

ZEIN: Presiden parti melahirkan pandangan kritis dengan hasrat murni beliau mahu benar-benar membanteras politik wang. Pada saya, ini adalah ingatan dan saranan demi kebaikan parti untuk jangka panjang. Ingatan ini ditujukan kepada mereka yang mementingkan jawatan, bukannya mahu berkhidmat dengan rekod yang baik. Golongan ini menggunakan kekuatan kewangan untuk meraih sokongan dan menggerakkan jentera. Mereka membina jentera politik yang berbayar dan inilah yang merosakkan parti.

Apabila Dr Mahathir kata macam itu, ia bukan bermakna orang kaya tidak boleh berpolitik. Apa yang kita mahu ialah kemampuan seorang pemimpin dinilai bukan bersandar kepada faktor kewangan semata-mata. Pemimpin Umno perlu ada kemampuan untuk bergerak dan memberi komitmen kepada parti. Apabila Dr Mahathir berkata orang kaya harus mengisytiharkan harta, ini bermakna orang kaya tidak dihalang daripada berpolitik. Sebaliknya, pemimpin harus dipilih berasaskan rekod perkhidmatan. Umno tidak mahu golongan kaya mewujudkan gerombolan jentera berbayar dan membeli undi dengan kekuatan kewangan. Tidak ada salahnya kalau orang kaya berkhidmat kepada perjuangan parti dengan niat ikhlas untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.

BH: Dr Mahathir juga mencadangkan supaya pemimpin peringkat bahagian disenaraihitamkan daripada menerima projek kerajaan?

ZEIN: Kalau mahu disenaraihitamkan, ia hendaklah dibuat terhadap mereka yang mengalibabakan projek dan mereka yang tiada asas dalam perniagaan. Saya rasa tidak wajar untuk menghukum semua. Pejuang Umno berkorban masa dan fikiran, menggadaikan masa, melebihi keperluan parti berbanding diri dan keluarga. Parti perlu sokong mereka yang berilmu dan mempunyai asas perniagaan untuk maju. Semestinya, sebagai pejuang Umno yang memiliki nilai perjuangan sejati, sebahagian besar daripada pendapatan yang diperoleh akan digunakan untuk menyumbang kepada Umno. Saya tidak bersetuju dengan pandangan bahawa orang parti tidak digalakkan berniaga. Apa akan jadi kepada Umno tanpa sokongan dan dokongan kelas menengah Melayu? Kita mahu sokongan daripada cerdik pandai Melayu yang berkebolehan dan berkemampuan untuk membangunkan parti.

BH: Rata-rata pemimpin muda menyertai pemilihan bahagian dalam merebut jawatan dalam parti. Bagaimana saudara melihat trend ini?

ZEIN: Perjuangan Umno jika dilihat secara serius adalah untuk memastikan kesinambungan kuasa bagi membolehkan generasi akan datang memiliki segala kekuatan bukan saja untuk menguasai negara, tetapi untuk mengisi kemerdekaan dan meneruskan agenda bangsanya. Nenek moyang kita telah menggadaikan nyawa, harta benda, tenaga dan buah fikiran semata-mata untuk menyediakan keselesaan kepada generasi hari ini. Kalau kita memahami perkara ini, maka sebenarnya dituntut untuk menyediakan barisan pelapis yang benar-benar mantap dan berkeupayaan. Kita harus mengembalikan perjuangan Umno yang tulen. Pejuang Umno yang tulen menganggap perjuangan ini satu ibadat. Justeru, kita harus terapkan dalam diri untuk menjadi 'orang Umno' dan bukan sekadar 'ahli Umno'. 'Orang Umno' maknanya, dia akan buat apa saja untuk kepentingan parti.

Selain itu, dia akan pastikan isterinya sokong Umno, anaknya Umno dan saudara maranya juga Umno. Tetapi, ramai pemimpin kita hari ini tidak memiliki jiwa Umno. Ada pemimpin Umno pelbagai peringkat yang abangnya ahli Pas, bapa saudaranya ahli Keadilan, malah, isteri dan anak sendiri pun kadang-kala tidak dapat dikawal. Inilah perkara yang perlu dijernihkan semula.

Apabila menyentuh soal pemimpin pelapis, kita harus ingat bahawa tuntutan akan datang berbeza dengan yang lalu. Sudah ramai anak bangsa kita yang terpelajar. Lebih 80 peratus generasi kita memiliki sekurang-kurangnya lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 40 peratus memiliki ijazah pertama dan hampir 20 peratus memiliki kelulusan peringkat sarjana.

Maknanya, pemikiran orang sekarang sudah berbeza dari segi pengetahuan dan keupayaan untuk menganalisis maklumat. Ini menuntut parti supaya membuka ruang seluas-luasnya kepada setiap ahli Umno tanpa mengira tahap pendidikan, latar belakang dan pekerjaan. Kita harus memberi ruang yang cukup untuk mereka bergiat aktif pada peringkat cawangan dan bahagian.

BH: Saudara pernah beberapa kali 'tewas' dalam perebutan jawatan penting dalam Umno. Namun, saudara bangkit semula dan akhirnya dipilih sebagai Naib Ketua Bahagian Selayang?

ZEIN: Soal tewas dan kalah tidak timbul. Mungkin kita tewas kerana tidak dapat mengamati tuntutan perwakilan. Bagaimanapun, saya menyeru kepada rakan Pemuda supaya jangan kecewa kerana saya sendiri sudah beberapa kali mengalami kekalahan. Dalam perjuangan tidak ada kekalahan dan kekecewaan. Yang ada ialah kita tidak diterima pada hari ini kerana beberapa sebab. Umno harus berasaskan jalan yang murni dan lurus. Kita harus balik kepada soal perjuangan. Sebagai pejuang Umno tulen, kita harus terus berjuang walaupun tidak terpilih pada pemilihan parti. Saya juga memohon orang Umno supaya memahami tiada istilah kalah dalam perjuangan dan tiada istilah kemenangan mutlak pada pemilihan. Yang perlu kita menangkan ialah parti kita. Umno perlu diperbesarkan dan bukan dkecilkan. Apabila ada pertandingan, bermakna kedua-dua pihak ada penyokong. Cara terbaik dalam sistem demokrasi parti ialah yang menang tidak meninggalkan yang kalah manakala yang kalah tidak menyepikan diri. Kita harus menerima hakikat bahawa keputusan ramai telah dibuat.

BH: Bagaimana saudara melihat proses pemilihan yang diamalkan dalam parti?

ZEIN: Saya pernah tewas bertanding dengan sahabat saya (Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir) untuk jawatan Naib Ketua Pemuda Umno Malaysia. Saya tidak kecewa kerana saya menawarkan diri untuk berjuang demi agama, bangsa dan negara. Saya bersyukur kepada Illahi di atas apa yang telah berlaku dan yakin ada hikmah di sebaliknya. Semangat perjuangan saya tidak pernah luntur. Apabila kepimpinan saya mendapat pelbagai rintangan dalaman di bahagian Kluang, saya berhijrah ke bahagian Selayang. Alhamdulillah, saya diterima baik. Pada Oktober tahun lalu saya menjadi Ketua Cawangan Bandar Country Homes, di bahagian Selayang. Lima bulan kemudian saya lihat ada kekosongan untuk jawatan Naib Ketua Bahagian. Dengan sokongan rakan-rakan dari Rawang dan Selayang, akhirnya saya dapat menempatkan diri sebagai Naib Ketua Umno Bahagian Selayang dengan majoriti 120 undi. Insya-Allah, saya akan bekerja keras untuk Umno, terutama di bahagian Selayang.

BH: Ramai pemimpin Umno di barisan kepimpinan arus perdana berasaskan pemimpin muda tidak sabar untuk memegang jawatan penting dalam parti?

ZEIN: Ini bukan soal sabar atau tidak. Ia bergantung pada kewajaran dan anjakan pemikiran. Kalau kita mampu membuat perubahan, mengapa tidak diberi peluang?

BH: Ketika proses pemilihan bahagian baru-baru ini, ada rungutan pemimpin yang bertanding, khususnya ahli Pemuda bahawa ada pemimpin Umno cuba campur tangan dalam menentukan kepimpinan Umno di bahagian?

ZEIN: Saya harap pihak luar jangan campur tangan dalam pemilihan bahagian. Apa hal kita mahu mencampuri hal ehwal bahagian orang lain? Pemimpin di bahagian biarlah orang bahagian yang tentukan. Kita bayar RM1 untuk jadi ahli Umno. Apabila kita rasa layak memimpin dan menawarkan diri berkhidmat, biarlah perwakilan yang tentukannya. Umno akan mengucup apabila ada campur tangan daripada pihak tidak berkenaan. Pembabitan awal saya dalam politik menyaksikan bahawa saya pernah tewas tiga kali berturut-turut untuk jawatan Ketua Pemuda bahagian. Kali pertama, saya tewas kerana pimpinan bahagian mahukan orang lain. Bermakna ada campur tangan daripada bahagian, dan inilah yang berlaku di sesetengah bahagian. Mereka (bahagian) campur tangan dalam menentukan kepimpinan Pemuda dan

Wanita. Sepatutnya, ia tidak berlaku. Kita perlu izinkan Pemuda membina kekuatan mereka sendiri. Ada juga pemimpin peringkat negeri yang campur tangan dalam pemilihan peringkat bahagian. Saya ingin buat teguran, politik dalam Umno harus diasaskan kepada jalan yang murni dan lurus.

Sebahagian daripada politik kita berlegar dalam kepompong yang sama. Maknanya, selepas si polan menjadi ketua bahagian, individu daripada kepompong sama akan dilantik menduduki kerusi di bahagian. Perkara ini berlaku kerana kita buat sekatan pada pertandingan. Sepatutnya, perwakilan harus memilih pemimpin berdasarkan kewibawaan, kemampuan, ketokohan dan keupayaannya dan bukan sebaliknya. Kejatuhan beberapa pemimpin muda hari ini ialah kerana ada sekatan pada sesetengah bahagian. Apabila dia jadi ketua bahagian, dia mahu orang tertentu jadi timbalan dan naib, begitu juga dengan ahli jawatankuasa.

BH: Bagaimana soal politik wang?

ZEIN: Kekuatan kewangan perlu ada jika kita mahu bergerak dan ia bukan saja dalam politik. Yang kita mahu elakkan ialah pemimpin yang tiada asas kepemimpinan yang mantap, kewibawaan yang goyah, wadah perjuangan yang kabur dan jiwa parti yang lemah, tetapi meraih sokongan dengan wang. Mudah saja untuk mengelak daripada politik wang. Kita minta setiap ahli Umno berikrar taat setia kepada parti. Ini harus kita buat. Ia adalah latihan kepada ahli untuk menjiwai Umno. Apakah semangat dan tradisi Umno yang mahu kita bina jika semangat juang tidak ada? Cakap saja ahli Umno, berbaju putih dan jadi ketua cawangan, tetapi semangat Umno tidak ada. Selagi semangat Umno tidak diserapkan, selagi itulah perpecahan akan terus berlaku.

BH: Sebagai seorang yang lama bergiat dalam Pergerakan Pemuda, bagaimana saudara melihat hala tuju Pemuda Umno bagi menempuh masa depan yang lebih mencabar?

ZEIN: Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan kepemimpinan Pemuda Umno hari ini harus menunjukkan kemampuan sebenar mereka. Saya yakin mereka berani bersuara dan menampakkan ketokohan untuk memimpin. Saya lihat Hishammuddin berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi semua ini. Saya menyeru kepada rakan dalam Pemuda supaya menjadi satu pasukan yang kuat untuk Umno. Pada peringkat bahagian pula, saya kira ramai tokoh muda baru diberi peluang. Saya minta mereka bebaskan pemikiran daripada sebarang belunggu. Saya yakin Pemuda Umno Malaysia akan mengatur langkah sebaik tamat pemilihan bahagian.

Program latihan perlu digerakkan. Peruntukan secukupnya wajar diberikan kepada Pemuda untuk menjalankan program. Jangan kita bekerja di saat akhir, iaitu apabila sudah hampir pilihan raya. Kita mesti memperkasakan kekuatan pada peringkat bahagian. Kita tidak boleh mengharap sesiapa Pemuda harus bangkit dengan cecal dan tabah untuk memperjuangkan kepentingan parti dan negara. Pimpinan parti pula harus memberi pengiktirafan sewajarnya kepada generasi muda. Saya sudah tiga penggal dalam Pergerakan Pemuda Umno Malaysia. Sejak tamat tempoh Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik (bekas ketua Pemuda), mana ada tokoh Pemuda dalam Dewan Negara? Pada pilihan raya lalu, siapa tokoh Pemuda yang diberikan peluang bertanding?

Saya menyebut 'tokoh' kerana saya tidak bersetuju dengan istilah 'wakil' Pemuda. Kita mahu tokoh Pemuda yang sudah terbukti kesetiaan dan mempunyai rekod perkhidmatan cemerlang diberikan ruang. Seharusnya 60 peratus daripada kepemimpinan negara diberi kepada tokoh muda yang berjiwa dan bersemangat besar. Apa kurangnya tokoh Pemuda untuk menduduki jawatan menteri? Bagaimanapun, saya lihat satu pengiktirafan yang baik apabila Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo dilantik Menteri Besar Selangor. Saya berharap rakan yang tewas pada pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini bersabar. Teruskan bekerja dengan azam dan tekad yang murni kerana mereka

yang tabah dalam perjuangan saja yang boleh berjaya.

BH: Masih banyak negeri yang belum memfatwakan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan berkenaan Amanat Haji Hadi yang bercanggah dengan ajaran Islam. Bagaimana pendapat saudara mengenai perkara ini?

ZEIN: Sebagai anak muda, saya berpendapat semua negeri perlu menyegerakan perkara ini kerana fatwa peringkat kebangsaan telah dibuat. Orang Melayu tidak suka kepada perpecahan, dan mengkafirkan sesama umat Islam adalah bentuk perpecahan yang melanda kita. Saya juga meminta kerajaan mendekati pegawainya di Jabatan Agama. Kita harus menilai semula mereka kerana saya lihat ramai antara mereka bersimpati dengan Pas. Keadaan ini perlu diperbetulkan dan Umno perlu ditonjolkan sebagai parti sebenar yang memperjuangkan agama. Pas hanya memperalatkan agama untuk mengejar kuasa.

BH: Sebagai penutup, ada lagi perkara yang saudara mahu perkatakan?

ZEIN: Seperkara lagi, Dr Mahathir pernah berkata, beliau akan tinggalkan Umno yang bulat untuk diterajui pelapis pada zaman akan datang. Justeru, peralihan kuasa dalam parti harus dibuat dengan suasana tenang dan bijaksana. Presiden parti telah diberi taufik dan hidayah sebagai pejuang Umno yang tulen. Oleh itu, ahli Umno mesti memberi ruang dan sokongan kepada beliau untuk memilih penggantinya.

(END)